



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisam@moh.gov.my

Rujukan : KKM 87/A2/100-1/22 JILID 10 (51)

Tarikh : 04 Jun 2021

**Kepada Semua Pemegang Lesen Atau Perakuan Pendaftaran Bagi Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) Di Bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]**

*Tuan,*

**PELEPASAN SEKATAN JALAN RAYA BAGI PENGOPERASIAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS) YANG BERLESEN ATAU BERDAFTAR DI BAWAH AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 [AKTA 586]**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Keputusan Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik 2 Bil. 3 Tahun 2021 yang dipengerusikan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara pada 4 Jun 2021 adalah berkaitan.

2. Sepertimana yang dimaklumi, Kerajaan telah membuat pengumuman mengenai *Total Lockdown* Fasa Pertama di seluruh negara bermula 1 hingga 14 Jun 2021. Pada masa yang sama, Kementerian ini juga telah menerima pelbagai aduan berkenaan isu pergerakan kakitangan KPJKS di sekatan-sekatan jalan raya.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan KPJKS sebagai *essential services* dalam menangani pandemik Covid-19 tidak terjejas sepanjang tempoh tersebut, pihak tuan boleh mengarahkan kakitangan di bawah kendalian masing-masing untuk mengemukakan salinan surat ini di sekatan jalan raya, **berserta**:

- 3.1. **Pas pekerja** bagi individu yang berkaitan;
- 3.2. Surat pengesahan keperluan hadir bekerja daripada pihak majikan; dan
- 3.3. Salinan **Lesen** (Borang 4 atau 7) atau **Perakuan Pendaftaran** (Borang B, C, F atau G) yang terkini dan sah laku di bawah Akta 586.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Saya yang menjalankan amanah,*



**(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**

s.k.:

YB Menteri Kesihatan

Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah  
Majlis Keselamatan Negara

Ketua Polis Negara  
Polis DiRaja Malaysia